

Gaji polis naik —Musa

KOTA BHARU, Jumaat — Kerajaan hari ini mengumumkan persetujuan menaikkan tangga gaji minimum anggota-anggota polis setanding dengan gaji minimum perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang setaraf dengannya.

Mengumumkan demikian, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, kenaikan itu ialah bagi jawatan konstabel hingga sub-inspektor.

Katanya, tangga gaji anggota lain-lain pangkat juga akan di-seimbangkan.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, gaji minimum konstabel sekarang (\$270) akan dinaikkan sehingga lebih \$300.

Beliau tidak pula menyebut tarikh kuatkuasa perlaksanaan tangga gaji baru itu.

Datuk Musa hanya berkata ia akan dilaksanakan sebaik sahaja keadaan ekonomi negara pulih.

Beliau mengumumkan demikian waktu merasmikan Masjid Besar Pengkalan Chepa di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan itu telah lama dibuat, tetapi kerana kemelesetan ekonomi, pengumuman dan perlaksanaannya terpaksa ditangguhkan.

Datuk Musa menyatakan, keputusan kerajaan itu adalah sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti pasukan polis yang turut bersama pasukan keselamatan menjaga keamanan dan keselamatan negara dan rakyat.

Katanya, angkatan bersenjata telah berkhidmat dengan cemerlang dan bermati-matian untuk mempertahankan negara, tanpa mengira keselamatan diri mereka.

"Percayalah, penghargaan terhadap jasa dan khidmat pasukan keselamatan bukan terhad kepada waktu pilihanraya atau kepada satu kumpulan pucuk pimpinan. Penghargaan ini adalah dari sokongan masyarakat, khasnya orang-orang Melayu sendiri," ujarnya.